

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/1990

Mac/April 1990

BSI 462/2: EKOLOGI HIDUPAN LIAR &
PENGURUSANNYA

Masa: [2 jam]

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi DUA soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

(BSI 462/2)

Bahagian A (Wajib)

1. Terangkan tentang nilai-nilai hidupan liar.
(20 markah)

2. Senaraikan serta terangkan pengkelasan-pengkelasan bagi kawasan yang dipelihara yang telah ditubuhkan oleh International Union of Conservation of Nature and Natural Resources (IUCN).
(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:)

3. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Perikanan merupakan Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab menguruskan haiwan di Malaysia. Selain daripada Jabatan ini banyak lagi Jabatan atau badan Kerajaan mahupun swasta yang telah menjalankan usaha pengurusan. Bincangkan peranan Jabatan atau badan berikut di bawah, di dalam pengurusan haiwan di Malaysia.
 - (a) Muzium
 - (b) Taman haiwan seperti taman ular, burung, buaya dan lain-lain taman haiwan

(30 markah)

...3/-

(BSI 462/2)

4. Pembiakan tuntung merupakan usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara di Bota. Kanan dan dua lagi tempat di Malaysia dalam usaha untuk mengelakkan haiwan ini daripada pupus. Pada pendapat anda adakah semua usaha pengurusan yang telah dijalankan memadai untuk tujuan di atas. Bincangkan.

(30 markah)

5. Beberapa spesies haiwan vertebrat sudah dikenalpastikan sebagai haiwan perosak di Malaysia. Bincangkan bagaimana haiwan ini diletakan sebagai haiwan perosak dan usaha-usaha yang dijalankan bagi mengurus haiwan tersebut.

(30 markah)

-ooo0ooo-